



COMPASS CIPTA KEMENANGAN DALAM KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE



OPERASI BERSEPADU KEGIATAN ULAT PARKIR



OPERASI SEARCH AND DESTROY 3.0



DIREKTORI MBBJ

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
Peti Surat 232, 80720 Johor Bahru, Johor

Telefon Am (Telefonis) 07-219 8000
Faksimile 07-223 0619
SMS Aduan 019-778 8212
Talian Aduan Awam 1-300-88-0146
Laman Web www.mbjb.gov.my
E-mel info@mbjb.gov.my

KANDUNGAN

- 4 COMPASS CIPTA KEMENANGAN DI
KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE
- 6 MAJLIS PRELUDE PERASMIAN HUTAN
BANDAR @ NIGHT
- 8 DIARI LAWATAN
- 9 DIARI KURSUS
- 10 SEKITAR...AKTIVITI BULAN RAMADAN 1438H
LAWATAN KERJA MENTERI BESAR JOHOR
- 12 KE PARLIMEN PASIR GUDANG
- 14 MBBJ IKRAR BEBAS RASUAH
- 15 PROGRAM SEARCH AND DESTROY 3.0
- 16 PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA 21
- 18 RISALAH AL – AZHAR
- 20 MBBJ SANA SINI
- 22 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG & JASAMU DIKENANG

SIDANG PENGARANG BULETIN

PENAUNG

Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin
Datuk Bandar

PENASIHAT

Encik Sidek bin Paiman
Setiausaha

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Puan Fadzlina binti Abdul Malek

AHLI-AHLI

Cik Hidayah binti Yusof
Cik Nurul Shafina Shaari
Encik Mohamad Rashid bin Selamat
Puan Norasmah binti Mohd Adros

JURU FOTO

Encik Bahri bin Abdullah
Encik Romzi bin Yusof

LENSA BANDARAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA.

Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda.

**Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada :
Unit Korporat & Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.**

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain - lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbitan Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam.
Majlis Bandaraya Johor Bahru.



www.mbjb.gov.my



SELAMAT Ramadhan

1438H / 2017M

***SELAMAT MENYAMBUT
BULAN RAMADAN***

**DARIPADA :
DATUK BANDAR, AHLI-AHLI MAJLIS &
SELURUH WARGA KERJA
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

COMPASS CIPTA KEMENANGAN DALAM KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE 2017 WILAYAH SELATAN

Kumpulan Compass telah memenangi tempat ketiga dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Sektor Awam Peringkat Negeri Johor kali ke-29 pada 28 September 2016 di Hotel Berjaya Waterfront, Johor Bahru mewakili Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Hal ini adalah pemula kejayaan kumpulan yang baru menyertai sebuah konvensyen. Pada konvensyen tersebut, kumpulan Compass membawa tajuk 'Kelewatan Menyediakan Sebut Harga dan Tender' yang dapat diselesaikan dengan menggunakan Sistem iPerolehan MBJB yang dibangunkan secara dalaman oleh Bahagian Teknologi Maklumat MBJB.

Kejayaan tersebut memberi suntikan semangat bagi kumpulan Compass meneruskan kecemerlangan apabila mendapat Anugerah Emas bagi pertandingan Mini Konvensyen Team Excellence 2017 Wilayah Selatan pada 3 April 2017 di KSL Hotel & Resort Johor Bahru dengan membawa tajuk projek yang sama. Pada 1 dan 2 Ogos 2017 di Hotel Ramada Plaza Melaka, Kumpulan Compass sekali lagi membawa tajuk projek Sistem iPerolehan MBJB ke pertandingan Konvensyen Team Excellence 2017 Wilayah Selatan dan memenangi Anugerah Emas.

Kumpulan Compass adalah sebuah Kumpulan Inovatif dan Kreatif Majlis Bandaraya Johor Bahru yang telah ditubuhkan pada 5 Januari 2015. Ahli Compass terdiri daripada gabungan dua bahagian iaitu Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak dan Bahagian Teknologi Maklumat.

Kumpulan Compass dianggotai oleh:

1. Norazeman bin Abd Ghani
2. Ahmad Fauzi bin Ahmad Puad
3. Faridah binti Hamzah
4. Abdul Karim bin Ismail
5. Abdul Aziz bin Shari
6. Hasidah binti Othman
7. Norhayati binti Shamsudin
8. Md Shamsul Rizan bin Hamidan
9. Muhammad Faiq bin Mohd Suzzi
10. Norazizah binti Ithnen
11. Siti Maisara binti Salim





Majlis Prelude Perasmian Hutan Bandar @ Night



9 APRIL 2017 : Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan Majlis Prelude Perasmian Hutan Bandar @ Night di mana satu sesi *Coffee Table Talk* bersama Datuk Bandar dan *Joggers Community* serta pihak media telah diadakan bagi mengenalpasti masalah yang perlu diambil tindakan segera sebelum majlis perasmian diadakan. Waktu operasi Hutan Bandar pada waktu malam kepada orang ramai adalah bermula jam 7.00 pagi hingga 11 malam. Aktiviti pengisian Hutan Bandar waktu malam yang dilaksanakan sama ada secara tetap dan

berjudul ini meliputi aktiviti riadah iaitu joging, bersenam, zumba, berkelah, barbeku dan medan selera iaitu *food truck*, aktiviti rekreasi iaitu *roller blade, skates, paddle go cart*, muzik (*buskers* dan lain-lain), dan aktiviti jualan.

Sambutan pengunjung diterima baik secara berterusan untuk berkunjung ke Hutan Bandar terutamanya pada waktu hujung minggu. Hal ini menunjukkan bahawa Hutan Bandar Johor Bahru kini adalah destinasi riadah baharu pada waktu malam yang boleh dimanfaatkan

oleh warga bandar raya Johor Bahru.

Kerja-kerja penambahbaikan fasiliti sedang dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengunjung terjamin seperti kemudahan laluan pejalan kaki, pencahayaan, papan tanda pemberitahuan dan lain-lain. Kajian terhadap tahap keselamatan pengunjung (*security assurance*) terutama pada waktu malam akan dilaksanakan secara berterusan.



DIARI LAWATAN

1



Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) 17 Januari 2017

Objektif Lawatan: Berkongsi, bertukar pendapat dan pengalaman antara kedua-dua PBT dan IRDA mengenai prospek pembangunan bandar raya dan projek-projek persisiran pantai.
Jabatan Terlibat: Jabatan Pengurusan, Jabatan Perancang, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan dan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar.
Jumlah Peserta: 25 orang

Majlis Perbandaran Nilai (MPN) 5 Mac 2017

Objektif Lawatan: Ingin berkongsi pengalaman serta melihat pencapaian kejayaan MBBJ dalam melaksanakan serta membangunkan projek dan program LA21 dalam kawasan pentadbiran MBBJ amnya.
Jabatan Terlibat: Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan.
Jumlah Peserta: 20 orang



2

3



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 29 Mac 2017

Objektif Lawatan: Menguji ketahanan mental dan fizikal anggota trafik DBKL dan menguji ketahanan aset motosikal berkuasa tinggi DBKL dalam program Jelajah Motosikal Berkuasa Tinggi DBKL ke MBBJ.
Jabatan Terlibat: Jabatan Penguatkuasaan.
Jumlah Peserta: 50 orang

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) 11 April 2017

Objektif Lawatan: Berkongsi pengalaman mengenai proses pendaftaran dan pelaksanaan sesebuah projek dalam kawasan pentadbiran MBBJ.
Jabatan Terlibat: Unit Pusat Setempat (OSC)
Jumlah Delegasi: 25 orang



4

5



Majlis Perbandaran Kulai Jaya (MPKu) 11 April 2017

Objektif Lawatan: Mempelajari dan berkongsi pengalaman tentang pelaksanaan Sistem Pendaftaran Kontraktor dan Pengurusan Perolehan di MBBJ.
Jabatan Terlibat: Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Ukur Bahan.
Jumlah Peserta: 8 orang

DIARI KURSUS

● **Bengkel Penggunaan Bahasa Pengaturcaraan PHP dan Perisian Mysql**

Tarikh: 3 April 2017 – 5 April 2017

Objektif: Memberi pendedahan bagi proses Installation bagi Php dan Perisian Mysql, meningkatkan kemahiran penggunaan dalam Bahasa pengaturcaraan Php dan Perisian Mysql dan memberi kefahaman yang lebih terperinci berkenaan fungsi-fungsi perisian tersebut.

● **Kursus Pengurusan Fail dan Rekod**

Tarikh: 4 April 2017 - 5 April 2017

Objektif: Memahami kepentingan dan tatacara yang betul dalam penyelenggaraan, keselamatan, pemeliharaan dan pelupusan fail dan rekod jabatan serta mengemaskini fail dan rekod jabatan sebagaimana kehendak Akta Arkib Negara 2013.



● **Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti**

Tarikh: 6 April 2017 – 8 April 2017

Objektif : Meningkatkan personaliti warga organisasi melalui perundingan imej diri dan protokol serta etiket sosial di tempat kerja, meningkatkan motivasi dan keupayaan komunikasi kakitangan dalam memenangi hati pelanggan dan meningkatkan keupayaan kerja seterusnya mampu menyediakan perkhidmatan kelas pertama.

● **Seminar Kerja Tanah**

Tarikh: 5 April 2017



● **Bengkel Pengurusan Jenazah**

Tarikh: 9 April 2017



● **Kursus Pemantapan Kepimpinan dan Semangat Kerja Berpasukan (Siri 1)**

Tarikh: 18 April 2017 – 20 April 2017

Objektif: Meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang keperluan peningkatan diri dan organisasi secara berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat, meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap keperluan untuk berperanan secara lebih berkesan terhadap perkembangan diri dan perkembangan organisasi secara saling melengkapi di samping meningkatkan kemahiran dan kecekapan yang diperlukan untuk bekerjasama secara lebih berkesan di dalam satu pasukan.

● **Bengkel Kesenambungan Pemantapan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KiK) Peringkat Majlis Bandaraya Johor Bahru**

Tarikh: 26 April 2017 – 27 April 2017

Objektif : Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan teknik mengenai projek KIK, membuat penambahbaikan yang lebih sistematik ke atas projek yang dipilih dan meningkatkan kemampuan kumpulan untuk memperjelaskan kepelbagaian alternatif tindakan pembetulan.

● **Kursus Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)**

Tarikh: 15 Mei 2017

Objektif : Penjenamaan semula 5S, mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif dan menggalakkan aktiviti kaedah mewujudkan persekitaran hijau.

● **Bengkel Penyelarasan Kertas Siasatan**

Tarikh: 7 Mei 2017

Objektif : Memberi pendedahan kepada peserta berhubung pelaksanaan penggunaan format piawai bagi kertas siasatan MBBJ, kaedah menggunakan format piawai kertas siasatan dan meningkatkan kemahiran peserta dalam penyediaan kertas siasatan yang berkualiti dan membantu melancarkan proses pendakwaan di mahkamah.



Program Daurah Kitab Mingguan
Tarikh: 4 Jun 2017



Program Iftar Ramadan bersama Rakan Media di Hotel Holiday Villa
Tarikh : 16 Jun 2017

SEKITAR... AKTIVITI BULAN RAMADAN



Program Memasak dan Mengedar Bubur Lambuk peringat
Tarikh : 14 Jun 2017



**Kuliah Dhuha Muslimah
Tarikh: 6 Jun 2017**



**Program Pembudayaan Al-Quran dan Taklimat Zakat
Tarikh: 8 Jun 2017**

MADAN 1438H / 2017M



**Program Tadarus Al-Quran Jabatan dan Bahagian MJB
Tarikh : 13 Jun 2017**



LAWATAN KERJA MENTERI BESAR JOHOR

ke Parlimen Pasir Gudang

21 MEI 2017 - Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama Pejabat Daerah Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang Tengah telah menjayakan lawatan kerja YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor ke Parlimen Pasir Gudang.

Lawatan seharian itu telah melalui tujuh buah lokasi di sepanjang perjalanan lawatan tersebut. Lokasi yang terlibat adalah di Dewan Muafakat Permas Jaya 2, Bandar Baru Permas, Perumahan Molek Ria, Taman Molek, Tapak Letak Kereta Masjid Kg. Melayu Pandan, Dewan Raya MPPG, Jalan Gunung Bandar Seri Alam, Kampung Pasir Gudang Baru dan Dataran Permas, Bandar Baru Permas Jaya.

Lawatan itu bagi meninjau perkembangan pembangunan serta permasalahan yang dihadapi

selain mengenal pasti jumlah agihan peruntukan yang diperlukan di setiap kawasan parlimen demi keselesaan rakyat.

Dewan Muafakat Johor Permas Jaya 2 menjadi lokasi pertama diadakan majlis perasmian yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor.

Majlis Penutup sempena Lawatan Menteri Besar Johor ke Parlimen Pasir Gudang ini berlangsung di lokasi terakhir iaitu di Dataran Permas, Jalan Permas Jaya 5/10, Johor Bahru. Pengisiannya adalah ketibaan Menteri Besar Johor beserta rombongan, lawatan ke booth FAMA dan pameran sempena Karnival Pasir Gudang, Perasmian Dataran Permas, Pelancaran Rakan Taman dan Majlis Penutup.





INFO DATARAN PERMAS

- Dataran Permas merupakan komponen dalam kawasan lapang selain padang bola sepak, gelanggang futsal dan kawasan taman permainan kanak-kanak.
- Pembinaan projek Dataran Permas bermula pada awal April 2017 dan siap pada pertengahan Mei 2017 dengan kos berjumlah RM 291,000.00. Kemudahan aktiviti riadah dan istirahat yang disediakan termasuklah taman permainan kanak-kanak, gelanggang futsal, padang bola, dataran dan laluan pejalan kaki.
- Majlis Perasmian Dataran Permas disempurnakan oleh YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor pada 21 Mei 2017 serentak dengan Karnival Pasir Gudang.

INFO RAKAN TAMAN PERMAS JAYA

- Kumpulan Rakan Taman Permas Jaya terdiri dari 100 orang ahli Rakan Taman mewakili kawasan / kumpulan Rakan Taman Permas 3, Rakan Taman Permas 5, Rakan Taman Permas 6 dan Rakan Taman Permas 7.
- Program kesukarelawanan bagi membantu kerajaan memelihara kawasan taman bagi memastikan taman awam sentiasa terpelihara dan mampan.
- Antara fungsi Rakan Taman adalah untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan / penyelenggaraan umum di taman awam dan menyemarakkan kegiatan komuniti melalui aktiviti rekreasi kemasyarakatan di taman awam.



Warga Kerja MBBJ Lafaz Ikrar Bebas Rasuah

16 APRIL 2017 : Warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru telah melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah dan muncul sebagai pihak berkuasa tempatan kedua di Johor selepas Majlis Perbandaran Kluang melafaz ikrar berkenaan bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Johor).

Majlis melafaz dan menandatangani ikrar ini diketuai oleh Datuk Bandar Johor Bahru, Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin dan disaksikan oleh Pengarah SPRM Johor, Dato' Haji Azmi Alias. Turut hadir, wakil rasmi Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Puan Hajah Norzihan binti Ismail, Ketua Unit Integriti SUK, Johor.

Turut diadakan dalam majlis ini adalah Taklimat Kesalahan Rasuah dan Salah Guna Kuasa yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Johor, PKPj Zuber Haji Zainal. Majlis seumpama itu bertujuan memastikan seluruh anggota MBBJ menanamkan nilai integriti yang kukuh dalam diri di samping memastikan bahawa kes rasuah dapat diperangi secara menyeluruh dalam organisasi.





Zon Penjaja Medan Selera Sri Stulang



Jalan Sagu Zon Kangkar Daya



Zon Taman Desa Harmoni@Harmonium



Zon Bandar @ Masjid Kolang Air



Zon Taman Desa Mutiara

Program Search and Destroy (SND) 3.0 Serentak di 23 Zon MBBJ

13 MEI 2017 : Program Search and Destroy (SND) telah memasuki fasa ketiga pelaksanaannya dengan giatnya usaha untuk mencegah dan mengawal penularan wabak demam denggi dan telah diadakan serentak dengan program Car Free Day yang diadakan pada setiap Sabtu minggu kedua setiap bulan. Program cari dan musnah (search and destroy) tempat pembiakan nyamuk Aedes ini yang melibatkan kesemua 23 zon ahli Majlis MBBJ yang dijalankan serentak. Datuk Bandar Johor Bahru telah menjalankan lawatan ke setiap zon bagi memastikan program berjalan lancar dan sebagai tanda penghargaan kepada penduduk setempat atas penglibatan mereka dalam program gotong-royong tersebut.

Program SND 1.0 sebelum ini telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Johor Bahru pada 23 April 2016 di Zon Tampoi. Program pertama kali ini melibatkan semua 24 zon ahli majlis dan 71 kawasan tapak binaan dalam kawasan MBBJ.

Setelah melihat keberkesanan program ini, berdasarkan penurunan kes demam denggi dalam kawasan MBBJ, program SND 2.0 pula dilaksanakan pada 24 September 2016 dengan melibatkan kesemua 24 zon ahli majlis termasuk zon penjaja serta 71 kawasan tapak binaan dalam kawasan MBBJ.



Zon Bandar Dato Onn@ Surau Taman Desa Mutiara



Zon Kebun Teh @ Jalan Ru



Zon Permas Jaya @ Pangsapuri Permas Jaya



Zon Stulang @ Pangsapuri Stulang Darat



Zon Taman Pelangi @ Jalan Biru Muda

OPERASI SEARCH AND DESTROY (SND)
HAPUS TEMPAT PEMBIAKAN AEDES BAGI MENGAJAL
WABAK ZIKA & WABAK DENGGI
TEMPAT : PADANG JALAN BIRU MUDA
MASA : 8.00 PAGI
TARIKH : 13HB MEI 2017 (SABTU) SEMUA PENDUK
DIJEMPUT HA



Mini Karnival Kitapulai Zon Kempas @ Permatang

Tarikh: 1 APRIL 2017

1

2

Program COMBI Zon Permas Jaya @ Jalan Permas 1-3, Permas Jaya

Tarikh: 8 APRIL 2017



Mini Karnival Muafakat Komuniti Larkin & Jamuan Rakyat Zon Larkin

Tarikh: 29 APRIL 2017

3

4

Gotong - Royong Bakar Batu @ Taman Iskandar

Tarikh: 7 MEI 2017



Program Ahli Majlis Zon Kg. Melayu - Taman Suria Bersama Rakyat @ Jalan Suria 3, Taman Suria

Tarikh: 7 MEI 2017

5

6

Majlis Pelancaran Kelab Memanah ZKD @ Zon Kangkar Daya

Tarikh: 19 MEI 2017



Larian Ceria Autism & All Reds Malaysia Zon Bandar Dato Onn @ Adda Height

Tarikh: 20 MEI 2017

7

8

Gotong - Royong Zon Kempas @ Tanah Perkuburan Bukit Aliff

Tarikh: 20 MEI 2017



PROGRAM

ZON

&
LA



Gotong - Royong Zon Kebun Teh @ Tanah Perkuburan Islam Kebun Teh

Tarikh: 22 MEI 2017

9

10

Program Iftar Bersama Anak-Anak Autisme @ Masjid Bukit Mutiara

Tarikh: 3 JUN 2017



Majlis Sumbangan Hari Raya Parlimen JB @ Dewan Serbaguna Kg Melayu

Tarikh: 9 JUN 2017

11

12

Majlis Pengagihan Bubur Lambuk @ Kg. Kangkar Tebrau Baru

Tarikh: 10 JUN 2017



Iftar Bersama Datuk Bandar @ Surau Al-Masyhur Jalan Lurah 2, Kawasan Kem-pas Lurah

Tarikh: 11 JUN 2017

13

14

Majlis Berbuka Puasa Perdana dan Bantuan Fakir Miskin & Mualaf @ Masjid India

Tarikh: 17 JUN 2017



Iftar Bersama Datuk Bandar @ Masjid Kg. Dato Onn, Jalan Sentosa, Larkin Bomba

Tarikh: 18 JUN 2017

15

16

Program Bantuan Hari Raya Untuk Ibu Tunggal & Anak-Anak Yatim Zon Bandar Baru Uda

Tarikh: 20 JUN 2017



KALAM

Amalan yang merupakan kemuliaan di sisi Allah ialah dengan memberi salam apabila bertemu di antara dua orang Islam. Perkara ini merupakan satu saranan oleh Allah ke atas hamba-Nya melalui firman-Nya:

“Apabila diucap dengan satu ucapan maka balas olehmu dengan ucapan yang lebih baik daripadanya atau jawab secara yang elok, sesungguhnya Allah ke atas setiap sesuatu akan diperhitungkan.”

(Surah An-Nisa’: 86)

Melalui ayat ini Allah SWT menyarankan agar hambanya mengamalkan ucapan yang baik ketika bertemu dengan saudara sesama Islam bagi menjaga kesejahteraan yang dianugerahkan oleh-Nya. Dengan demikian umat Islam hendaklah memberi salam. Setiap kali bertemu saudaranya iaitu yang terdiri daripada orang-orang Islam sama ada kenal ataupun sebaliknya.

(Rujuk Al-Razi: 544, 604H, hlm. 169. juzuk 10).

Dalil yang menegaskan kenyataan di atas melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar r.a.:

“Bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah SAW yang mana satu antara amalan dalam Islam itu lebih baik? Jawab Rasulullah, kamu memberi makan kepada orang yang memerlukannya dan mengucapkan salam ke atas sesiapa yang kamu kenal dan yang tidak kenal”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

CARA MEMBERI DAN MENJAWAB SALAM SERTA GANJARANNYA

Cara salam yang disyariatkan pada awal pertemuan diucap dengan salam:

“Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh” , maksudnya iaitu “selamat sejahtera atas kamu dan rahmat Allah serta keberkatannya”. Dan dijawab oleh saudaranya dengan berkata:

“Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh” , maksudnya iaitu “dan ke atas kamu selamat sejahtera dan rahmat Allah serta keberkatannya”. Memadai juga dengan kata “Assalamualaikum” bererti “kesejahteraan ke atas kamu” dan setiap jawapan ini akan mendapat ganjaran pahala, mengikut kadar ucapannya, iaitu sepuluh pahala atau kebaikan, jika ditambah “warahmatullah” akan digandakan lagi sepuluh pahala dan sekiranya ditambah “wabarakatuh” maka akan diberi tiga puluh pahala atau kebaikan padanya. Begitulah juga sebaliknya bagi yang menjawabnya. Ganjaran pahala memberi dan menjawab salam ini telah dinyatakan dalam Hadis yang diriwayatkan oleh A’mran bin Hussaini.

Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW dan berkata, "Assalamualaikum". Maka Rasulullah menjawab salam kemudian dia duduk. Maka Rasulullah berkata sepuluh pahala kemudian datang yang lain memberi salam dengan berkata "Assalamualaikum warahmatullah", lalu Rasulullah jawab salam tadi, dan berkata dua puluh pahala. Kemudian datang yang ketiga terus berkata "Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh". Rasulullah pun menjawab salam tadi dan terus duduk, maka Rasulullah berkata tiga puluh pahala.

(Riwayat oleh Abu Daud Tarmizi: Hadis Hasan)

Sekiranya kita renung di sini, didapati amat besar ganjaran pahala yang diberi oleh Allah kepada pemberi dan penerima salam yang telah diajar melalui sunnah Rasulullah SAW di samping mengerat silaturahmi sesama Islam.

SALAM KE ARAH KEUTUHAN UMMAH

Berdasarkan demikian apakah pengertian dan maksud salam? Salam bermakna memberi keamanan. Sewaktu kalimah salam diucapkan terhadap seseorang muslim dengan berkata sesungguhnya kita mengqasad dan mendoakan dijiwanya mempunyai ketenangan, ketenteraman, gembira dan bahagia sepanjang masa, begitu juga sebaliknya harapan daripada yang menjawab terhadap pemberi salam. Dengan demikian terlerailah segala perasaan hasad dengki, dendam kesumat dan sebagainya, sebaliknya tersemam dan terjalinlah perasaan persaudaraan antara satu sama lain.

(Rujuk Al-Hafiz Zakiyuddin Abdul 'Azmi bin 'Abdul Qauni Al-Munzari 1987M bersamaan 1407H. 426-428)

HUKUM MEMBERI SALAM

Hukum memberikan salam itu adalah sunat dan Nabi Muhammad SAW melakukan demikian serta melazimi dan membiasakan diri dengan memberi salam. Manakala hukum menjawab salam pula adalah wajib iaitu sekiranya tidak menjawab hukumnya berdosa.

(Rujuk Imam Al-Hafiz Abi Muhd. 'Abdul Rahman b. 'Abdul Rahim. 1353H. 469)

Maka, berdasarkan firman Allah yang tersebut di atas iaitu:

"Dan apabila diucapkan dengan satu ucapan maka balas olehmu dengan ucapan yang lebih baik daripadanya atau jawab secara yang elok. Sesungguhnya Allah ke atas setiap sesuatu akan di perhitungkan. " (Surah An-Nisa': 86)

Daripada ayat di atas Rasulullah SAW menjelaskan melalui sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah iaitu:

"Memberi salam oleh yang berkenderaan ke atas yang berjalan, yang berjalan ke atas yang duduk, yang sedikit ke atas yang banyak dan pada satu riwayat yang kecil ke atas yang besar". (Riwayat Al Bukhari)

Hadis ini memberi pengajaran bahawa salam itu merupakan satu penghormatan daripada seorang kepada orang lain dalam Islam. Ucapan salam, itu tidak semestinya dilakukan dengan perkataan tetapi juga boleh dilakukan dengan isyarat seperti membunyikan hon kenderaan ketika memandu. Dengan kata lain, ucapan salam ini boleh dilakukan melalui pelbagai cara mengikut keadaan waktu dan tempat.

(Rujuk Syamsul Al-Haq Al-Azim. Al-Abadi 1979, hlm. 100-101)

PERINGATAN

Selain itu sebagai peringatan, apabila seorang lelaki memberi salam kepada seorang wanita yang mana pemberi salam itu tidak dikenali, maka hendaklah dipastikan terlebih dahulu tujuannya. Mungkin mereka hendak menggoda atau sengaja nakal hendak mengusik dan sebagainya. Maka dalam keadaan begini, salam tersebut tidak wajib dijawab pada syarak, kerana ia akan membuka peluang untuk lelaki tadi mendekati wanita serta menyempurnakan niat jahat yang boleh menandatangani padah kepada kaum wanita, berdasarkan kaedah fiqah iaitu menolak keburukan perlu diawasi terlebih dahulu daripada mencari sebarang kebaikan.

* Gambar sekadar hiasan



1. Ops Bersih Sungai Tebrau di Jeti Nelayan Bakar Batu
Tarikh: 8 APRIL 2017
2. Yasin, Tahlil Dan Ceramah Israk Mikraj di Dewan Jubli Intan
Tarikh: 27 APRIL 2017
3. Majlis Sambutan Hari Pekerja Cuepacs di Putrajaya
Tarikh: 1 MEI 2017
4. Perasmian Van Kaunter Bergerak di MBBJ
Tarikh: 3 MEI 2017
5. Larian Amal YMM Ke-5 di Dataran Bandaraya
Tarikh: 1 MEI 2017
6. Majlis Pecah Tanah Oleh Menteri Besar
Tarikh: 1 MEI 2017
7. Majlis Pelupusan dan Pemusnahan Barang Sitaan Mesin Slot di Bengkel Mount Austin
Tarikh: 7 MEI 2017
8. Pelancaran FT Roadpedia Kem Kerjaya di KM 0
Tarikh: 9 MEI 2017
9. *The Iskandar Malaysia Acco;Ades (Tima)* di Hotel Jen Nusajaya
Tarikh: 15 MEI 2017
10. Majlis Pecah Tanah Kemudahan Awam IIDB di Persada Johor Bahru
Tarikh: 16 MEI 2017
11. Ops Memotong Kabel Fiber Optik Haram di Wadi Hana
Tarikh: 24 MEI 2017
12. Penyerahan Bantuan Ramadan YBJB
Tarikh: 31 MEI 2017
13. Majlis Berbuka Puasa Perdana & Bantuan Fakir Miskin & Mualaf di Masjid India
Tarikh: 17 JUN 2017
14. Iftar Bersama Parlimen Johor
Tarikh: 18 JUN 2017
15. Majlis Khatam Al-Quran Peringkat MBBJ & Ceramah Ramadan
Tarikh: 21 JUN 2017

MBJB SANA SINI





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016 & JASAMU DIKENANG

22 MEI 2017 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 & Jasamu Dikenang, bertempat di Berjaya Waterfront Hotel bermula jam 7.45 malam.

Aturcara dimulakan dengan ucapan Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin, Datuk Bandar Johor Bahru, diikuti jamuan diiringi persembahan nyanyian, penyampaian sijil penghargaan jasa kepada ahli keluarga anggota yang telah meninggal dunia, penyampaian hadiah persaraan, dan penyampaian anugerah perkhidmatan cemerlang. Acara cabutan bertuah turut diadakan dan diselang-selikan dengan slot dalam perjalanan majlis.

Seramai 112 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2016, manakala seramai 64 orang pesara Majlis Bandaraya Johor Bahru turut diberi pengiktirafan dan penghargaan dalam majlis ini.

Penganugerahan ini merupakan simbolik penghargaan kepada semua anggota MBJB yang telah berusaha keras dalam menjaga mutu perkhidmatan yang cemerlang dengan pengukuhan amalan integriti dan semangat kerja berpasukan.





OPERASI BERSEPADU KEGIATAN ULAT PARKIR

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) akan meneruskan beberapa pelan tindakan untuk mengatasi serta membanteras permasalahan kegiatan penjaga parkir haram atau ulat parkir yang dilihat semakin berleluasa dalam kawasan pentadbiran MBJB.

Memandangkan MBJB tidak mempunyai kuasa untuk menahan ulat-ulat parkir tersebut, MBJB telah mengambil inisiatif melaksanakan operasi bersepadu melibatkan Jabatan Penguatkuasaan MBJB bersama-sama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bermula Februari 2017 bagi tujuan membanteras

kegiatan tersebut.

Setakat Julai 2017, sebanyak tujuh operasi ulat parkir yang telah dilakukan di sekitar kawasan Johor Bahru terutamanya di Jalan Ibrahim, Jalan Dhoby, Jalan Trus, Jalan Tan Hiok Nee dan kawasan sekitarnya. Hasil daripada operasi-operasi yang telah dilaksanakan, seramai 110 individu telah ditahan oleh PDRM dan AADK untuk tujuan saringan jenayah atau saringan air kencing.

Kegiatan ulat parkir ini secara tidak langsung boleh menjejaskan imej Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa.

Oleh sebab itu, MBJB sentiasa memberikan komitmen yang

tinggi untuk memastikan keselesaan dan keselamatan kepada warga bandar raya Johor Bahru memandangkan kegiatan haram ini boleh mengundang rasa tidak selesa warga bandar raya terutamanya pengunjung Bazar Karat.

Selain itu, MBJB mengambil langkah proaktif dengan meletakkan anggota penguatkuasa bagi melakukan kawalan statik dan rondaan kerap di kawasan 'hotspot' bagi menghalau ulat-ulat parkir ini.

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ

Memberikan Perkhidmatan Pelanggan
Yang Efisien dan Mesra Kepada Pelanggan



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Peti Surat 232, Jalan Dato' Onn,
80720 Johor Bahru, Johor.
E-mel: info@mbjb.gov.my
No.Tel: 07-219 8000 / 07-228 2555
Faksimile: 07-223 0619
Talian Bebas Tol: 1300-88-0146
WhatsApp Aduan: 019-778 8212
Laman Web: www.mbjb.gov.my

ISSN 2462-1536

